

24 JUN 2001

Khalid-Media

MEDIA JANGAN TERPENGARUH MAINAN POLITIK MUSUH NEGARA, KATA KHALID

BAHAU, 24 (Bernama) -- Media cetak dan elektronik mesti mengelak daripada menyiarkan berita-berita yang berunsur perkauman serta tidak terpengaruh dengan permainan musuh-musuh negara yang boleh menimbulkan ketidaktenteraman antara kaum di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Mohd Khalid Yunus berkata berita-berita yang boleh menimbulkan ketidaktenteraman tidak harus disiarkan kerana ia boleh menggugat perpaduan kaum yang sedia terjalin.

"Kalau akhbar dan media di negara ini menyiarkan berita-berita berunsur perkauman yang boleh menimbulkan suasana tidak tenteram, ia adalah amat berbahaya kerana boleh menggugat keamanan negara.

"Setiap akhbar mesti memainkan peranan mereka dengan betul dan saya berpendapat akhbar dan media di negara ini telah memberikan peranan yang positif," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta dua akhbar berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press, supaya tidak membangkitkan isu-isu perkauman.

Khalid ditemui selepas melepaskan Larian Olimpik 2001 anjuran Majlis Olimpik Malaysia dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Jempol di Padang Majlis Daerah Jempol di sini, hari ini.

Beliau berkata media massa memberi kesan yang besar kepada masyarakat dan ia perlu bertanggungjawab ke atas berita-berita yang disiarkan.

Dr Mahathir, semasa menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno semalam, berkata beliau kesal dengan kedua-dua akhbar yang sering menimbulkan pandangan yang anti kerajaan.

Katanya apabila beliau menegur satu kumpulan kecil orang Cina (Suqiu), beliau dikatakan (oleh akbar berkenaan) sebagai mengecam keseluruhan orang Cina.

Dr Mahathir berkata adalah tidak adil jika Utusan Malaysia dikawal supaya tidak keterlaluan dalam memainkan isu-isu perkauman tetapi akhbar-akhbar Cina dibiarkan membangkitkan perasaan kebencian terhadap orang Melayu.

Mengenai larian itu, Khalid berkata sambutan orang ramai amat menggalakkan iaitu lebih 1,000 orang menyertai larian itu yang dibahagikan kepada enam kategori.

--BERNAMA

APG NAK